

17 DEC 1999

PELABURAN-MSC

MSC AKAN TARIK LEBIH BANYAK PELABURAN KE M'SIA, KATA PAKAR

Oleh: S.Durga Varma

AGRA, NEW DELHI, 17 Dis (Bernama) -- Seorang pakar teknologi hari ini meramalkan jumlah syarikat mengendalikan operasi di Malaysia akan bertambah tahun hadapan, terutamanya syarikat-syarikat AS dan Eropah yang mengambil peluang daripada insentif-insentif yang disediakan oleh Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pendapat ini dilahirkan oleh Darryl Carlton, ketua eksekutif BizTone.com Sdn Bhd, yang berkata kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memenangi pilihanraya yang diadakan baru-baru ini menandakan pelaburan-pelaburan terus asing di Malaysia dalam sektor teknologi maklumat akan meningkat.

Dalam temubual dengan Bernama di sini, beliau berkata insentif yang ditawarkan oleh MSC berjaya menarik perhatian syarikat-syarikat teknologi tinggi terutamanya di Amerika Syarikat, di mana kos untuk mendapatkan pekerja yang berpakaran dan kos-kos pengendalian kritikal yang lain agak tinggi.

"Dengan kemenangan dalam pilihanraya dan dasar-dasar IT diteruskan dalam satu kerajaan yang stabil, tidak syak lagi, segala formula telah tersedia untuk menarik pelaburan asing baru dalam sektor IT di Malaysia," kata Carlton.

Beliau menambah MSC ialah sesuatu yang unik, mampu meningkatkan lagi keupayaan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang telahpun bersedia untuk menghadapi hari akan datang, terima kasih kepada wawasan dan tanggungjawab yang telah ditunjukkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

"Ini merupakan satu keadaan yang berbeza jika dibandingkan dengan negara-negara lain, di mana pemimpin-pemimpin politik hanya melaksanakan tugas semata-mata kerana diharapkan, jadi mereka memenangi pilihanraya semata-mata bergantung kepada populariti mereka," kata Carlton.

Walaupun Carlton menyedari MSC masih melalui perjalanan yang jauh dan mungkin perlu membuat beberapa perubahan dasar dalam menghadapi trend IT yang pesat berubah, MSC telah mampu meraih kejayaan sejak ia diperkenalkan.

Salah satu kejayaan utama MSC ialah kejayaannya menyentuh kehidupan setiap insan negara ini, kata Carlton.

"Walaupun para pengkritik mensifatkannya sebagai satu lagi mimpi yang membazirkan wang pembayar cukai, Perdana Menteri telah berjaya menjadikan MSC satu kehidupan realiti yang melibatkan setiap orang di Malaysia, tidak kira kedudukan ataupun keturunan," kata beliau.

Beliau berkata penglibatan seumpama ini tidak berlaku di negara-negara maju, umpamanya di Lembah Silikon Amerika, di mana perniagaan IT diklasifikasi sebagai perniagaan elit yang tidak membabitkan orang biasa.

Jika dibandingkan kos antara Malaysia dan AS, Carlton berkata untuk memulakan perniagaan yang serupa di AS memerlukan AS\$65 juta modal dana teroka, sementara operasi BizTone.com di Malaysia cuma memerlukan hanya AS\$1.5 juta.

-- BERNAMA

DVS AA MA